

01 NOV 1999

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

MAHATHIR DIPANGGIL SETELAH ANWAR, SUKMA SELESAI BERI KETERANGAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum diperlukan hadir pada perbicaraan kes liwat bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh memberitahu pemberita pihak pembela dan pendakwa bersetuju bahawa Dr Mahathir akan dipanggil untuk memberi keterangan selepas kedua-dua tertuduh dalam kes itu, Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, selesai memberi keterangan.

Mahkamah Tinggi pada 27 Okt lepas telah mengeluarkan sapina baru terhadap Dr Mahathir bagi memintanya hadir di mahkamah hari ini. Sapina itu dikeluarkan setelah sapina terdahulu yang dikeluarkan pada 18 Okt tidak menetapkan tarikh beliau diperlukan hadir.

Sapina itu dikeluarkan atas permohonan Sukma.

Rozilah berkata sapina terhadap Dr Mahathir telah diserahkan Sabtu lepas bagi meminta Perdana Menteri hadir di mahkamah untuk memberi keterangan sebagai saksi pembela.

Peguam Sukma, Gobind Singh Deo ketika ditemui pemberita juga mengesahkan kehadiran Dr Mahathir di mahkamah belum diperlukan.

"Beliau tidak hadir hari ini kerana Datuk Seri Anwar Ibrahim masih memberi keterangan. Kami akan memberitahu Perdana Menteri bila kami memerlukan kehadirannya. Kami yakin beliau akan hadir," kaatanya.

Gobind berkata pihak pembelaan menjangka Dr Mahathir akan memberi keterangan "kira-kira akhir minggu ini atau awal minggu depan."

Ketika ditanya sama ada pembelaan akan menemubual Dr Mahathir terlebih dahulu, Gobind berkata, "memanglah kami akan bercakap dengan beliau sebelum beliau diminta memberi keterangan di tempat saksi."

Anwar, 52, dan Sukma, 38, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar, di tempat dan pada masa yang sama.

-- BERNAMA

SBB NMO